

Ahli Parlimen wajar sokong usul undi percaya PM

BH - 16/12/2022 mlb: 4

Kuala Lumpur: Usul undi percaya terhadap Perdana Menteri yang akan dibentang di Dewan Rakyat Isnin ini, wajar disokong Ahli Parlimen tanpa mengira blok parti, sebagai jaminan untuk mewujudkan kestabilan politik negara, sekali gus membolehkan kerajaan meneruskan tugasnya menyelesaikan pelbagai isu membelenggu rakyat serta negara.

Penganalisis politik berpandangan, kemelut politik berterusan sejak beberapa tahun lalu tidak memberi manfaat kepada rakyat, sebaliknya menjadikan suasana ekonomi, pasaran saham dan pengukuhan ringgit semakin tidak menentu.

Pensyarah Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Sivamurugan Pandian, berkata usul dijangka dibentang sendiri Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim itu juga bukan semata-mata menguji keabsahan politik kepimpinannya, malah memberi keyakinan kepada rakyat supaya kerajaannya dapat terus memimpin negara.

"Ini sekali gus membolehkan tumpuan diberi kepada tatacara kerajaan dengan perhatian ke atas isu kemasyarakatan dan keenggotaan.

"Proses transisi melalui undi

percaya supaya tohmahan pelbagai label (terhadap keabsahan kerajaan ketika ini) dihentikan dan masing-masing boleh menyumbang terhadap isu yang memerlukan sokongan dan komitmen serta tanggungjawab bersama," katanya semalam.

Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Azhar Azizan Harun kelmarin, menjangka usul itu akan dilaksana menerusi undian belah bahagian, iaitu setiap Ahli Parlimen akan menyatakan sokongannya secara lisan terhadap Perdana Menteri menerusi peranan ketua blok sebagai pencatat undian.

Pertimbang kaedah lain

Namun, beberapa kaedah lain juga boleh dipertimbang, iaitu undian secara rahsia, dengan setiap Ahli Parlimen diberi satu borang tertentu dan di dalamnya tertera ruangan ditandakan sama ada sokong, iaitu menyokong Perdana Menteri, tidak sokong atau berkecuali.

Sementara itu, penganalisis politik, Dr Noor Nirwandy Mat Nordin menjangka Anwar tidak berdepan laluan sukar untuk mendapat sokongan majoriti mudah terhadap usul dibentangnya, mengambil kira usaha dilakukannya dalam pembentu-

kan kerajaan sebelum ini.

Beliau yakin sokongan melebihi 140 Ahli Parlimen mampu diperolehi Anwar, sekali gus mengetepi cakap-cakap kononnya kerajaan terbentuk ketika ini tidak mempunyai keabsahan dari segi sokongan majoriti ahli Dewan Rakyat.

"Saya rasa tidak terjadi (usul ditolak) terutama apabila kita melihat Yang di-Pertuan Agong (Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah) menitahkan satu Kerajaan Perpaduan dibentuk dan kini sudah dibentuk.

"Mungkin ada perjanjian atau CSA (Perjanjian Keyakinan dan Perbekalan) yang akan ditandatangani mampu memperkuat dari situasi usul ditolak itu ber-

laku. Apabila kita lihat lantikan Perdana Menteri, menteri dan timbalan menteri, di situ sudah ada kekuatan.

"Jumlah kerusi (parti gabungan kerajaan juga) lebih 140 kerusi. Ini memberi kelebihan kepada kerajaan pimpinan Anwar, sekali gus usul dibentang ini sekadar formaliti untuk menunjukkan keabsahan dan majoriti yang wujud dalam Parlimen," katanya.

Bagi Felo Penyelidik Pusat Demokrasi dan Pilihan Raya Universiti Malaya (UM), Prof Madya Dr Awang Azman Awang Pawi pula, penting untuk negara ketika ini mempunyai kerajaan yang dapat berfungsi bagi menangani pelbagai isu dan cabaran seperti kemelesetan ekono-

mi global, Belanjawan 2023 serta persediaan menghadapi situasi bencana dan banjir.

"Usul itu tidak ada masalah untuk disokong Ahli Parlimen pada minggu depan. Jika usul ditolak, pasti yang tidak menyokong itu bukan saja dianggap tidak menghormati titah Agong, malah cuba menafikan peranan Raja Melayu memperaku Anwar sebagai Perdana Menteri ke-10.

"Saya kira rakyat sudah bersedia bergerak ke depan bagi memastikan kestabilan politik dan kerajaan memberi fokus terhadap kemelesetan ekonomi global.

"Jika usul ini tidak berjaya atau ditolak, ia akan menjejaskan usul Belanjawan 2023 yang hingga kini masih belum diluluskan, selain persediaan menghadapi pasca banjir juga boleh terganggu," katanya.

Beliau menjangka walaupun sokongan terhadap usul itu tidak mengambil kira en bloc atau sokongan secara satu blok parti, namun Ahli Parlimen terutama dari blok parti yang membentuk kerajaan, mengambil pendirian tidak menyokong atau berkecuali terhadap usul itu, ia masih tidak menjejaskan sokongan partinya kepada Perdana Menteri.

“Jika usul ditolak, pasti yang tidak menyokong itu bukan saja dianggap tidak menghormati titah Agong, malah cuba menafikan peranan Raja Melayu memperaku Anwar sebagai PM Ke-10”

Awang Azman Awang Pawi,
Felo Penyelidik Pusat Demokrasi dan Pilihan Raya UM

